



Rabu, 7 Januari 2015

### 1. Harga minyak kekal rendah kerana lebih bekalan

SINGAPURA: Harga minyak kekal pada paras terendah dalam tempoh lima tahun setengah dalam sesi awal dagangan Asia hari ini dan penganalisis menjangkakan harga akan terus turun berikutan lebih penawaran.

Dalam awal sesi dagangan hari ini, minyak mentah Brent diniagakan pada AS\$50.95 (RM179) setong, turun 15 cents daripada penutupan semalam manakala penanda aras Amerika Syarikat (AS) WTI pada AS\$47.97 (RM168.60) setong.

"Harga minyak akan terus turun dalam tempoh terdekat," kata ANZ Bank dalam nota penyelidikannya pagi ini.

"Kami jangkakan kos pengeluaran minyak shal yang tinggi akan mengurangkan bekalan, tetapi ini tidak dijangka berlaku hingga pertengahan tahun ini," kata bank itu.

Ketika ini pengeluaran shal dari Amerika Utara kekal tinggi manakala OPEC tidak mengurangkan pengeluaran kerana mahu mengekalkan penguasaan pasaran menerusi tawaran minyak pada harga lebih rendah.

Pengalisis teknikal Reuters, Wang Tao, berkata beliau menjangkakan harga Brent akan jatuh hingga AS\$41.99 (RM147.60) manakala WTI akan jatuh hingga AS\$36.74 (RM129) setong



Rabu, 7 Januari 2015

### 2. Dana RM10j bantu PKS terjejas banjir bina semula perniagaan

KUALA LUMPUR: Syarikat Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) yang terbabit bencana banjir ditawarkan bantuan menerusi Dana Kecemasan PKS (SMEEF) dengan peruntukan keseluruhan RM10 juta.

Dana itu bertujuan membantu meringankan beban usahawan terjejas akibat bencana untuk membangunkan semula perniagaan mereka.

SMEEF yang diuruskan SME Corporation Malaysia (SME Corp) dan Malaysian Industrial Development Finance Bhd (MIDF), akan disalurkan dalam bentuk geran dan pinjaman mudah.

Ketua Pegawai Eksekutif SME Corp, Datuk Hafsah Hashim, berkata usahawan yang terbabat bencana seperti banjir, ribut, kemarau, hakisan pantai dan tanah runtuh ditawarkan geran hingga RM20,000 manakala pinjaman antara RM50,000 hingga RM100,000.

SMEEF bertujuan membantu PKS memulihkan perniagaan menerusi pembelian mesin baharu dan terpakai, modal kerja serta ubahsuai premis yang terjejas akibat bencana alam.

"Bagi bencana banjir yang melanda negara ketika ini, SMEEF akan disalurkan dalam bentuk hibrid iaitu geran + pinjaman mudah bagi meringankan beban syarikat PKS terbabat.

"Untuk pinjaman, kami menawarkan kadar keuntungan atau faedah tiga peratus setahun dan tempoh pembayaran balik hingga lima tahun tidak termasuk tempoh bertenang hingga enam bulan," katanya ditemui di sini hari ini.

SMEEF menawarkan penyaluran dana hingga 90 peratus daripada nilai pembelian mesin atau peralatan baharu dan 65 peratus mesin atau peralatan terpakai yang berusia tidak lebih lima tahun; 90 peratus bagi kos pengubahsuaian premis; dan 90 peratus bagi modal kerja.

Setakat kini SME Corp sudah menerima 17 permohonan dengan 15 permohonan daripada syarikat PKS di Kelantan, manakala satu permohonan masing-masing dari Pahang dan Perak.

Antara syarat kelayakan bagi syarikat yang layak memohon SMEEF ialah ia mesti diperbadankan di bawah Akta Syarikat 1965 atau didaftarkan dalam Ordinan Perniagaan 1956; memiliki lesen premis sah yang dikeluarkan oleh PBT; menyediakan bukti akibat bencana alam menerusi surat yang dikeluarkan oleh pegawai daerah atau satu salinan laporan polis; dan beroperasi di dalam kawasan yang diisytiharkan lokasi bencana oleh Majlis Keselamatan negara (MKN) atau pegawai daerah.



Rabu, 7 Januari 2015

### **3. Puncak Niaga pelbagaikan kegiatan dalam sektor pertanian, pembinaan**

SHAH ALAM: Puncak Niaga Holdings Bhd (PNHB) merancang untuk mempelbagaikan perniagaannya dalam sektor pertanian dan pembinaan susulan penjualan aset airnya kepada Kumpulan Darul Ehsan Bhd (KDEB).

Pengerusi Eksekutif, Tan Sri Rozali Ismail, berkata syarikat turut menjangkakan lima hingga 10 peratus pertumbuhan dalam perolehan minyak dan gas pada masa depan.

Perniagaan minyak dan gas ketika ini menyumbang kira-kira 30-40 peratus kepada perolehan PNBH.

"Bagi 2015, kami akan menumpukan kepada perniagaan (kejuruteraan) persekitaran dan air sisa, manakala pada masa sama mempelbagaikan dalam perniagaan pertanian dan pembinaan," katanya selepas mesyuarat agung luar biasa (EGM) PNHB di sini hari ini.

Ditanya sama ada PNHB menerima kesan daripada kemerosotan harga minyak semasa, Rozali berkata syarikat tidak terjejas secara langsung berikutan ia tidak terbabit dalam segmen penerokaan tetapi dalam segmen penyelenggaraan dan perkhidmatan.

PNHB memperoleh kontrak tiga tahun bernilai RM500 juta daripada Petronas Carigali Sdn Bhd pada tahun pertama, katanya.

Syarikat turut meninjau ASEAN sebagai pasaran yang berpotensi untuk mengembangkan kepakarannya dalam sektor perkhidmatan air.

Pada EGM itu, pemegang saham meluluskan dua resolusi untuk menjual 100 peratus dan 70 peratus kepentingan, masing-masing dalam Puncak Niaga (M) Sdn Bhd (PNSB) dan Syarikat Bekalan Air Selangor (Syabas), kepada Pengurusan Air Selangor Sdn Bhd (Air Selangor), anak syarikat milik penuh KDEB, dengan jumlah pembayaran tunai sebanyak RM1.56 bilion.

Rozali berkata pemegang saham sebulat suara memberi kelulusan bagi urus niaga itu, yang dijangka selesai pada 16 Januari dengan PNSB dan Air Selangor memenuhi pelbagai syarat dalam perjanjian jual beli (SPA) yang dimeterai pada November 2014.

Beliau berkata kelulusan itu adalah sebahagian daripada syarat yang ditetapkan di bawah SPA, dan dividen kira-kira RM1 sesaham berjumlah RM534 juta daripada hasil tunai akan diagihkan kepada pemegang saham selepas urus niaga itu selesai. - BERNAMA



Sabtu, 10 Januari 2015

#### 4. Pelajar cemerlang aset berharga Negara

Jika kita mengunjungi beberapa laman sesawang, kita dapati ada antara pelajar pintar dari negara ini mengecam sistem pendidikan negara kerana mendakwa konon berlakunya ketidakadilan terhadap mereka.

Kecemerlangan mereka dalam peperiksaan seolah-olah tidak diiktiraf kerana dinafikan peluang melanjutkan pelajaran menggunakan biasiswa kerajaan. Keadaan itu menyebabkan mereka terpaksa melanjutkan pengajian di negara lain dengan perbelanjaan sendiri atau tajaan pihak lain. Benarkah dakwaan mereka atau sejauh mana 'ketidakadilan' itu wujud?

Mereka mendakwa keputusan peperiksaan mereka lebih baik berbanding beberapa pelajar Bumiputera yang lain. Bagaimanapun, disebabkan polisi kerajaan sedia ada serta hak istimewa orang Melayu seperti yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan, maka hak untuk mereka mendapatkan layanan sama rata, telah diketepikan. Lebih mendukacitakan ialah menjadikan kepemimpinan kerajaan sedia ada sasaran melepaskan ketidakpuasan hati mereka.

Dalam konteks ini, penulis bukanlah hendak menyebelahi mana-mana pihak. Bagaimanapun, sebagai rakyat Malaysia yang bertanggungjawab dan patuh kepada undang-undang, perkara yang sudah termaktub dalam Perlembagaan, usahlah dipertikaikan. Malah itu adalah antara syarat ditetapkan dan dipersetujui semua kaum ketika mendapatkan kemerdekaan daripada British dahulu.

Apa-apapun, biarlah pihak berwajib yang menyelesaikan isu ini. Penulis yakin kerajaan mempunyai justifikasi serta mekanisme tertentu bagi menangani perkara ini.

### **Takrif pelajar pintar**

Sebenarnya, dalam hal ini, penulis lebih berminat menyentuh berkaitan pelajar pintar atau cerdas ini. Justeru, eloklah kalau kita melihat apakah yang ditakrifkan sebagai pelajar pintar atau pelajar cerdas ini?.

Pelajar pintar adalah mereka yang mempunyai beberapa kelebihan tertentu sejak kecil lagi. Ciri-ciri ini tidak ada pada kanak-kanak lain yang sebaya atau lebih kurang seusia dengan mereka. Antara ciri-ciri itu ialah:

- I Memiliki sikap ingin tahu yang tinggi;

- I Bersikap kritis kepada diri sendiri dan orang lain;

- I Berupaya melihat hubungan yang wujud antara beberapa pendapat atau pandangan berbeza, dan menghasilkan pelbagai idea dari satu rangsangan yang spesifik yang memerlukan persekitaran pembelajaran yang sangat mencabar;

- I Sukar menerima kenyataan tidak konkrit, jawapan atau penilaian yang diberi atau dibuat orang lain;

- I Memiliki persepsi berlainan terhadap persekitaran dan

- I Peka kepada ketidakadilan pada tahap peribadi dan global.

Memang tidak dinafikan, pendidikan adalah antara bidang yang paling utama dalam pembangunan negara. Malaysia memerlukan rakyat yang berpendidikan tinggi bagi merancakkan pertumbuhan ekonomi negara. Memiliki ramai rakyat yang genius adalah aset besar kepada negara.

Namun, pada masa sama keadaan ini memberikan sedikit 'cabaran', bukan sahaja kepada ibu bapa, malah juga kepada kerajaan bagi menyediakan pelbagai infrastruktur untuk pelajar pintar ini.

Golongan pelajar pintar ini memerlukan sistem pendidikan yang berbeza dengan pelajar lain. Tahap kecekapan serta IQ (*Intelligent Quotient*) yang tinggi menyebabkan ada antara mereka sukar menyesuaikan diri dengan komuniti sekeliling. Sebahagian besar mereka cepat bosan dengan sistem pendidikan sedia ada kerana tidak dapat memenuhi cita rasa serta cabaran yang mereka perlukan. Disebabkan itu, pelajar berkenaan memilih belajar sendiri di rumah kerana ada ibu bapa berasakan sistem pendidikan sedia ada tidak cukup mencabar, tidak memenuhi keperluan anak mereka.

Bagaimanapun, memiliki ciri-ciri sedemikian belum tentu menjanjikan masa depan yang cerah. Kesilapan diri sendiri atau tiadanya kawalan mahupun bimbingan daripada pihak tertentu, pelajar pintar boleh menemui kegagalan dalam hidup. Ibarat kata pepatah 'kusangka panas hingga ke petang, rupanya hujan di tengah hari'. Cermin muka yang sentiasa berkilat dan setiap hari digunakan, lama kelamaan akan pudar juga jika tidak dijaga dan dibersihkan.

### **Tahap pendidikan berbeza**

Bukan sahaja tahap pendidikan mereka berbeza, malah cara mereka berkomunikasi juga sudah tentu mempunyai pendekatan berbeza. Harus diingat, komunikasi bukanlah setakat berinteraksi bersemuka atau tidak bersemuka dengan seorang individu atau lebih, malah ia lebih daripada itu. Bahkan jika dalam sesebuah organisasi, komunikasi berlaku dari atas ke bawah, bawah ke atas, dan sama aras. Ini belum lagi mengambil kira mengenai halangan lain, seperti rasa tertekan, rasa marah dan sebagainya.

Justeru, pelajar sebegini memerlukan individu atau kumpulan tertentu yang dapat membimbing mereka dalam menangani beberapa kekurangan serta tekanan yang dihadapi. Bantuan lebih berupa teknik atau kaedah selain tunjuk ajar yang betul secara lebih efektif.

Dalam hal ini, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) sudah mengambil inisiatif dengan mewujudkan Pusat PERMATA Pintar Negara pada tahun 2010. Objektif penubuhannya ialah membantu pelajar terbabit menghargai kelebihan serta bakat yang mereka miliki dengan lebih sistematik.

Penekanan akan lebih difokuskan kepada pengaplikasian pemikiran kritis dan kreatif serta penyelesaian masalah. Ini bertujuan memberi kebebasan kepada pelajar pintar mempraktikkan pembelajaran sendiri dengan bimbingan guru terlatih yang bertindak sebagai fasilitator untuk membangun dan mengembangkan personaliti mereka.

Ketika menyampaikan ucapan utama dalam Persidangan Antarabangsa Mengenai Pendidikan Untuk Pelajar Pintar dan Berbakat 2014 di Pusat PERMATA Pintar Negara, UKM, baru-baru ini, isteri Perdana Menteri Datin Seri Rosmah Mansor, berkata pelajar pintar mempunyai kepelbagaian dimensi serta memerlukan bentuk pembelajaran berbeza, justeru tidak sepadan jika mereka ditempatkan dalam sistem pembelajaran dan persekitaran yang biasa bersama dengan pelajar lain.

Rosmah yang juga Penaung Program PERMATA menegaskan, pendekatan pembelajaran yang diguna pakai melalui Program Permata adalah selari dengan keperluan pelajar pintar dan berbakat kerana program itu bukan setakat memberi tumpuan kepada silibus, malah turut memfokuskan proses

pembelajaran dan persekitaran yang mampu membantu pelajar itu bagi menghargai bakat yang dimiliki mereka.

Apa yang perlu difikirkan oleh Kementerian Pendidikan, institusi pengajian tinggi awam (IPTA) dan institusi pengajian tinggi swasta (IPTS) tempatan pula ialah bagaimana untuk menyediakan platform pula kepada pelajar pintar ini untuk meneruskan pengajian mereka kelak.

Cukupkah sekadar dengan prasarana pendidikan, termasuk jumlah serta kualiti pensyarah sedia ada, sudah boleh memenuhi keperluan yang diinginkan oleh pelajar terbabit? Bagaimana pula dengan bidang pengajian yang perlu ditawarkan?

### **Ambil kira masa depan pelajar pintar**

Dalam hal ini, Kementerian Pendidikan, IPTA dan IPTS perlu duduk semeja dan meneliti kembali segala perancangan yang terkandung dalam Pelan Strategik Pendidikan Tinggi Negara (PSPTN). Jika ada keperluan, PSPTN sewajarnya diberikan sedikit penambahbaikan atau pengubahsuaian dengan turut mengambil kira masa depan pelajar pintar.

Setiap IPTA atau IPTS, tidak kiralah sama ada universiti penyelidikan, universiti pengajaran, atau universiti teknikal, masing-masing perlu meletakkan visi pendidikan yang lebih jauh serta ruang lingkup yang lebih luas demi penjanaan bakat pelajar-pelajar pintar ini. Mereka adalah permata negara dan jika gemerlap mereka, maka bergemerlapanlah pendidikan negara. Kita tidak mahu bakat dan kelebihan yang mereka miliki, tidak diuruskan dengan sewajarnya. Kegagalan berbuat demikian akan menyebabkan kita menggigit jari jika permata yang dimiliki ini, akhirnya dimanfaatkan oleh negara lain.



Selasa, 13 Januari 2015

### **5. Clone Algo labur RM500j di Malaysia, perkenal algoritma dagangan**

SINGAPURA: Clone Algo Group, milik ahli perniagaan yang berpangkalan di Singapura, Niraj Goel, akan melabur RM500 juta dalam kemudahan teknologi baharu di Malaysia dalam tempoh dua tahun akan datang.

Nitin Damodaran, Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan yang berpangkalan di Las Vegas, berkata syarikat itu akan menubuhkan pusat penyelidikan dan pembangunan, pemasaran serta pejabat sokongan dan pengaturcaraan.

Pelaburan itu akan dibuat oleh Goel, Clone Algo Inc, yang sedang menempatkan saham bernilai AS\$250 juta (RM879 juta) dan menyasarkan untuk membuat tawaran awam permulaan di NASDAQ pada suku ketiga tahun ini.

Clone Algo juga akan memperkenalkan Algoritma khusus untuk komuniti perniagaan Malaysia tahun ini.

"Kami kini di peringkat akhir rancangan untuk pasaran Malaysia selain R&D serta pusat pemasaran untuk komuniti perniagaan India.

"Pasukan pemasaran akan memperkenalkan kelebihan dagangan di bursa antarabangsa menggunakan Algoritma (Algos) untuk dagangan dalam produk berstruktur," kata Damodaran menerusi satu kenyataan di sini.

Katanya, semakin ramai ahli perniagaan Malaysia yang mula menggunakan Algos untuk dagangan produk kewangan antarabangsa.

"Dalam persekitaran perniagaan hari ini, terutama dengan harga minyak mentah yang rendah, pengurus kekayaan Malaysia perlu lebih berhati-hati untuk mengikat kontrak dalam produk minyak, emas dan komoditi.

Peniaga hari ini perlu menjejak 24 jam sehari trend tidak menentu dalam pasaran dan harga selain kekal fokus kepada carta harga. Inilah cara Algo, yang disediakan khusus untuk membantu peniaga yang sibuk memantau kedudukan mereka setiap saat," katanya. - BERNAMA



Selasa, 13 Januari 2015

#### **6. Eksport Malaysia dijangka pulih pertengahan tahun ini**

KUALA LUMPUR: Sektor eksport Malaysia dijangka pulih mulai separuh kedua tahun ini walaupun berlaku penyusutan nilai ringgit.

Pakar Strategi Eastspring Investments Global, Robert Rountree, berkata unjuran positif itu berdasarkan trend "Keluk J" yang menunjukkan trendimbangan dagangan negara berikutan penurunan nilai atau penyusutan mata wangnya di bawah sesetengah set andaian.

Mengikut pendapat orang luar, beliau berkata walaupun jumlah eksport Malaysia bergerak pada kadar perlahan namun ia bersedia untuk meningkat dalam tempoh tiga hingga enam bulan mulai Julai tahun ini.

"Sektor itu mungkin bergerak pada kadar perlahan tetapi ia menuju ke arah yang lebih baik," kata Rountree selepas pembentangan jangkaan pasaran ekuiti Malaysia dan serantau di sini, hari ini.

Sementara itu, Ketua Pegawai Pelaburan (Ketua Negara) Chen Fan Fai berkata walaupun ringgit turun dan harga minyak sawit mentah yang rendah memberi kesan kepada ekonomi Malaysia, pelabur sewajarnya mempertimbangkan dengan menumpukan kepada sektor teknologi dan pembinaan.

"Pembinaan akan lebih banyak termasuk pembangunan yang sedang dimajukan sekarang ini di kawasan seperti Kuala Lumpur dan kebanyakan dana disalurkan oleh sektor swasta yang tidak akan berkurangan," katanya. - BERNAMA



Rabu, 14 Januari 2015

#### **7. Portfolio Khazanah Nasional naik kepada RM145.6b pada 2014**

KUALA LUMPUR: Khazanah Nasional Bhd, syarikat pelaburan kerajaan mengumumkan Nilai Aset Direalisasikan (RAV) meningkat 7.8 peratus kepada RM145.6 bilion sehingga pada 31 Disember 2014 berbanding RM135.1 bilion pada 2013.

Mengikut Khazanah, ia mencatat prestasi kewangan cemerlang pada tahun lalu walaupun berdepan persekitaran ekonomi yang mencabar.

RAV Khazanah mencatat pertumbuhan 186 peratus daripada RM50.9 bilion ketika penubuhannya pada 2004.

Nilai Aset Diselaraskan (NWA) pula meningkat 9.2 peratus kepada RM110.8 bilion daripada RM101.5 bilion pada 2013.

NWA Khazanah meningkat 9.2 peratus mengatasi pertumbuhan FBM KLCI yang mencatat penurunan 2.6 peratus.

Pada 2014, Khazanah mencatat keuntungan sebelum cukai RM3.2 bilion manakala PBT terkumpul sejak Mei 2004 berjumlah RM22.3 bilion.

Pengarah Urusan Khazanah, Tan Sri Azman Mokhtar, berkata tahun lalu cabang pelaburan kerajaan Malaysia itu melaksanakan 12 pelaburan dengan nilai keseluruhan RM7.2 bilion serta enam pelupusan yang mencatatkan keuntungan pelupusan berjumlah RM3.0 bilion.



Antara 2004 hingga 2014, Khazanah melakukan pelaburan dengan nilai berjumlah RM65.3 bilion dan 67 pelupusan membabitkan nilai RM42.8 bilion, dengan keuntungan keseluruhan daripada pelupusan berjumlah RM19.4 bilion.

"2014 adalah tahun yang sibuk dan penuh dengan peristiwa penting yang menyaksikan beberapa syarikat milik Khazanah mencatatkan prestasi operasi yang kukuh.

"Penyumbang utama kepada peningkatan NWA Khazanah adalah Tenaga Nasional Bhd yang menyumbang RM4.9 bilion, tawaran awam permulaan Alibaba Group (RM3.9 bilion), IHH Healthcare Bhd (RM3.6 bilion) serta sektor telekomunikasi yang merangkumi Telekom Malaysia Bhd (TM) dan Axiata Group Bhd (RM2.9 bilion)," katanya membentangkan Ulasan Tahunan Khazanah ke-11 di sini hari ini.

Beliau berkata, dalam tempoh dikaji, kemajuan juga turut dicatatkan dalam beberapa projek pemangkin di Iskandar Malaysia, khususnya pelancaran Pinewood Iskandar Malaysia Studio.

Dalam pada itu, sejak 2004, Khazanah mengisytiharkan dividen RM7.4 bilion termasuk dividen sebanyak RM900 juta yang diumumkan bagi 2014 dan membayar cukai berjumlah RM1.2 bilion sejak 2004.

Mengenai prestasi syarikat pelaburan Khazanah di bawah Program Transformasi Syarikat Berkaitan Kerajaan, Azman berkata, secara keseluruhan, syarikat pelaburan Khazanah di bawah program itu mencatatkan prestasi yang baik dengan jumlah pulangan kepada pemegang saham berkembang sebanyak 12.6 peratus setiap tahun sejak Mei 2004.

Program transformasi itu yang kini memasuki tahun ke-10, akan berakhir pada hujung Ogos ini.

Pencapaian penting turut dicatatkan dalam penstrukturan semula Penerbangan Malaysia (MAS) menerusi pengumuman Pelan Pemulihan 12 Perkara MAS bagi membina semula syarikat penerbangan nasional itu dan kembali meraih untung.



Khamis, 15 Januari 2015

#### **8. Daim sedia bekerjasama dengan SPRM**

KUALA LUMPUR: Tun Daim Zainuddin berkata beliau sedia bekerjasama dengan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) untuk menyiasat perniagaan perbankan miliknya di luar negara.

"Saya sedia sokong dan bekerjasama dengan SPRM dalam siasatannya," kata bekas menteri kewangan itu dalam satu kenyataan hari ini.

Daim berkata, beliau yakin dengan keupayaan SPRM untuk melaksanakan penyiasatan itu.

Laporan media sebelum ini menyebut Daim mengesahkan memiliki sebuah bank di Tanzania, tetapi menafikan terdapat pelanggaran atau salah guna kuasa berhubung pemilikan itu.

Daim dilaporkan sebagai berkata sudah dua kali disiasat berhubung perkara itu pada 1999, tetapi pihak berkuasa tidak menemui sebarang salah laku. - BERNAMA



Jumaat, 16 Januari 2015

#### **9. Empat cabaran lahirkan rakyat mampu hadapi cabaran - Muhyiddin**

PUTRAJAYA: Kementerian Pendidikan mengenal pasti empat cabaran utama sebagai wadah penting meningkatkan kualiti pendidikan bagi melahirkan modal insan untuk memacu Malaysia menjadi sebuah negara maju.

Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin berkata, keempat-empat cabaran itu jelas menuntut agar generasi masa hadapan dididik dengan ilmu pengetahuan, kemahiran dan nilai-nilai murni bagi mencapai matlamat melahirkan rakyat yang mampu menghadapi cabaran masa kini dan masa hadapan.

"Kita bukan sahaja perlu lahir insan yang berpengetahuan tinggi tetapi insan yang berguna dan warga yang baik yang boleh menyumbang sesuatu yang bermanfaat kepada masyarakat dan negara," katanya.

Muhyiddin yang juga Menteri Pendidikan berkata demikian ketika menyampaikan perutusan Tahun Baharu Kementerian Pendidikan di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC) di sini hari ini.

Beliau menggariskan cabaran pertama iaitu perkembangan ekonomi Asean yang bakal menjadikan rantau Asean sebagai blok ekonomi yang kelima terbesar di dunia selepas Amerika Syarikat, China, Jepun dan India.

Muhyiddin berkata, perkembangan itu pastinya akan merangsang perniagaan dan perdagangan dalam negeri dan antara negara Asean, dan Malaysia perlu bersedia menghadapi persaingan ekonomi, keselamatan dan kebudayaan yang lebih terbuka.

"Dengan pelaksanaan Komuniti Asean tahun ini, sektor pengajian tinggi boleh turut memainkan peranan dengan merangka satu perancangan strategik untuk menangani cabaran mobiliti tenaga kerja mahir dalam pasaran pekerjaan serantau yang lebih terbuka," jelasnya.

Bagi cabaran kedua, Muhyiddin berkata warga kementerian perlu sentiasa peka terhadap perubahan dan kemajuan di peringkat antarabangsa serta ketidakpastian pada masa akan datang.

Menyedari keperluan untuk sektor pendidikan berkembang seiring dengan perkembangan pendidikan dunia, beliau berkata kementerian komited untuk melaksanakan jaringan kerjasama antarabangsa dalam penyelidikan, latihan pra dan dalam perkhidmatan untuk tenaga pengajar, program penandaarasan dan mobiliti pelajar.

"Malaysia akan terus memainkan peranan penting dalam menerajui pembangunan pengkomersilan khususnya pembelajaran sepanjang hayat, pendidikan keusahawan dan penyelidikan serta inovasi sebagai usaha kolaboratif dalam kalangan negara anggota Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC)," katanya.

Dalam pada itu, Muhyiddin berkata, Malaysia akan menerajui penubuhan OIC Collaborative Efforts in Commercialisation and Entrepreneurship Education (OIC-CECE) yang akan menjadi pusat rujukan bagi negara-negara anggota OIC.

Bagi cabaran ketiga pula, timbalan perdana menteri berkata kementerian dipertanggungjawabkan peranan penting untuk menghasilkan Modal Insan Minda Kelas Pertama yang mampu menggunakan pengetahuan secara proaktif, kreatif dan inovatif dalam pelaksanaan Rancangan Malaysia ke-11 (RMK-11).

"Modal insan yang dilahirkan oleh sistem pendidikan kita perlu berupaya menangani persekitaran global yang sentiasa berubah, meningkatkan kualiti hidup serta menyumbang kepada kesejahteraan dan kekayaan negara," katanya.

Di samping itu, beliau berkata program-program yang dilaksanakan mestilah berimpak tinggi, berpelaksanaan cepat dan bertransformasi dalam RMK-11.

Muhyiddin turut menggariskan cabaran keempat kepada kepesatan teknologi yang kini menghasilkan perubahan pada corak, cara dan gaya hidup manusia yang menyebabkan dunia menjadi semakin kecil dan kompetitif.

"Jelasnya, pembangunan dalam bidang teknologi ini walaupun banyak mempunyai kelebihan tetapi banyak juga cabaran yang perlu dihadapi khususnya dalam mendidik insan supaya menjadi pengguna teknologi yang bertanggungjawab," katanya.

Justeru, Muhyiddin mengingatkan warga kementerian, adalah menjadi tanggungjawab bersama untuk menyediakan landasan terbaik bagi rakyat menikmati kehidupan yang lestari di masa hadapan. -

BERNAMA

#### 10. Najib garis 6 perkara utama terus pacu perkembangan ekonomi negara

PUTRAJAYA: Datuk Seri Najib Razak menggariskan enam perkara utama bagi terus memacu perkembangan ekonomi negara termasuk mengambil pendekatan tepat, berhemah dan bijaksana dalam menghadapi landskap ekonomi dunia yang berubah dengan mendadak.

Perdana Menteri berkata, kejatuhan harga minyak dunia membawa kesan implikasi kepada ekonomi dunia dan Malaysia juga tidak terkecuali.

"Kita ambil kira kejatuhan ini dan kesan kepada ekonomi, hasil negara, dasar fiskal dan nilai ringgit. Kita perlu hadapinya dengan pendekatan tepat, berhemah dan bijaksana.

"Esok kerajaan akan umumkan apa pengubahsuaian yang akan dilakukan dan langkah intervensi yang akan diambil supaya senario baharu ini kita hadapi menerusi tindakan lebih proaktif," katanya pada perhimpunan bulanan Jabatan Perdana Menteri di sini, sebentar tadi.

Selain beliau berkata, kerajaan juga akan memastikan Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) dapat dilaksanakan seperti dirancang dan Rancangan Malaysia Kesebelas (RMK-11) yang akan dibentang Mei ini memberi keyakinan terhadap harapan negara dan rakyat.

#### 11. Felcra jangka raih untung RM150 juta tahun ini

KUALA KLawang: Felcra Bhd menjangkakan meraih keuntungan sebanyak RM150 juta tahun ini berbanding RM132 juta tahun lepas, didokong oleh kepelbagaian aktiviti perniagaan yang dijalankannya.

Pengerusinya, Datuk Bung Moktar Radin, berkata selain daripada perniagaan teras Felcra iaitu perladangan, Felcra turut mempunyai cabang perniagaan lain seperti hartanah.

"Kita jangka akan mendapat tambahan pulangan daripada aktiviti perniagaan yang kita jalankan ini. "Ini yang akan membuat kita yakin pencapaian pada masa-masa akan datang dan pada masa yang sama, kita juga akan mengurangkan kos operasi.

Apabila kos operasi dikurangkan, bolehlah kita menambah dividen pendapatan kepada peserta," katanya kepada pemberita selepas Program Penyerahan Suratan Hak Milik dan Pemberian Projek Felcra Kerangai Penagoh, di sini hari ini.

Turut hadir, Menteri Besar Negeri Sembilan, Datuk Seri Mohamad Hasan.

Bung Moktar berkata Felcra juga sedang mengenal pasti 30,000 hingga 40,000 hektar tanah di sekitar Kelantan, Sarawak, Kedah dan Terengganu untuk dibeli dan dibangunkan sebagai kawasan penanaman getah dan kelapa sawit.

"Tahun ini mungkin kita akan membeli tanah di negeri tersebut," katanya.

Setakat ini, Felcra sudah menguruskan 265,000 hektar tanah perladangan dan daripada jumlah itu, 60 peratus daripadanya merupakan milik agensi berkenaan.

Perniagaan Felcra pada waktu ini meliputi 70 peratus perladangan sawit, 20 peratus perladangan getah dan baki 10 peratus adalah penanaman padi dan projek lain.

Pada majlis itu, 348 orang menerima Suratan Hak Milik dengan keluasan tanah masing-masing sebanyak kira-kira 2.42 hektar seorang.

Seramai 233 lagi menerima Sijil Pegangan Saham dengan keluasan tanah 1.21 hektar seorang.

Di Negeri Sembilan, Felcra telah membuka dan menguruskan 140 projek kelapa sawit, 50 projek getah dengan keluasan sebanyak 7,045 hektar bagi kelapa sawit dan 3,801.57 hektar bagi getah membabitkan 12,374 peserta. - BERNAMA



Selasa, 20 Januari 2015

## **12. Najib ketua delegasi promosi Malaysia di Forum Ekonomi Dunia Davos**

DAVOS: Bandar permainan ski dengan suhu mencecah sehingga negatif 10 darjah selsius, kini bersedia menanti kehadiran delegasi antarabangsa ke Forum Ekonomi Dunia (WEF), termasuk Malaysia.

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak akan mengetuai delegasi negara ke forum tahunan yang kali ini menampilkan tema Konteks Global Baru, bermula esok hingga Sabtu ini.

Forum antara lain akan membincangkan isu berkaitan industri dan perniagaan dalam konteks senario semasa ekonomi global.

Objektif Malaysia kali ini adalah untuk mempromosi negara sebagai lokasi pelaburan utama dan destinasi pelancong di Asia, Kuala Lumpur sebagai ibu pejabat wilayah syarikat multinasional dan mempersembahkan kejayaan transformasi ekonomi Malaysia.

Najib juga akan mengambil peluang untuk menampilkan perancangan dan peranan Malaysia sebagai Pengerusi ASEAN pada tahun ini.

Selain Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Mustapa Mohamed, delegasi negara turut disertai oleh ketua eksekutif syarikat Malaysia dan ketua pelbagai agensi pelaburan.

WEF adalah forum bebas peringkat global bagi memberi ruang dialog kepada mereka yang berkepentingan, termasuk akademik, politik dan pemimpin kumpulan sosial untuk membentuk pandangan dan agenda di peringkat wilayah serta global.

Najib juga akan bertemu beberapa pemimpin negara dan ketua eksekutif syarikat utama di dunia yang berminat melabur di Malaysia.

Beliau juga dijadual menjadi hos dalam perbincangan dengan ketua syarikat dan hadir dalam acara majlis malam gala Malaysia untuk mempromosi pelbagai peluang di Malaysia.



Selasa, 20 Januari 2015

### **13. GST bawa pendapatan tambahan RM1 bilion kepada kerajaan**

PUTRAJAYA: Pelaksanaan Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) yang dijadualkan bermula 1 April ini dijangka membawa tambahan RM1 bilion kepada pendapatan kerajaan tahun ini.

Ketua Setiausaha Kementerian Kewangan, Tan Sri Mohd Irwan Serigar Abdullah, berkata pendapatan tambahan itu datang daripada lebih 304,000 syarikat yang mendaftar untuk GST setakat ini.

"Bilangan syarikat yang mendaftar melepasi sasaran awal kami 120,000 syarikat.

"Pendapatan tambahan ini membolehkan kerajaan menampung impak pengurangan perbelanjaan mengurus sebanyak RM5.5 bilion berikutan harga minyak mentah Brent global yang lebih rendah," katanya kepada pemberita selepas menghadiri perutusan khas langkah-langkah memperkukuh daya tahan ekonomi Malaysia oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, di sini hari ini.

Mohd Irwan berkata harga minyak mentah Brent yang jatuh kepada sekitar AS\$48 setong semalam, menyusut lebih 50 peratus dalam tempoh enam bulan lepas.

"Kita ada kekurangan RM13.8 bilion dalam pendapatan disebabkan kejatuhan mendadak harga minyak mentah.

"Nasib baik kita akan melaksanakan GST yang membolehkan kita meraih RM1 bilion atau lebih dan ini dapat membantu kita mengembalikan defisit kita pada tiga peratus," katanya.

Mohd Irwan berkata kerajaan menjangka memperoleh RM23.18 bilion dalam tempoh sembilan bulan pertama menerusi GST berbanding hanya RM14.4 bilion jika kekal dengan cukai jualan dan perkhidmatan semasa.

"Bagi tahun penuh 2016, GST dijangka menyumbang RM32 bilion kepada pendapatan kerajaan," katanya.

Sementara itu, langkah kerajaan menambah pendapatan menerusi CBP dan pengurangan perbelanjaan mengurus dilihat menghantar isyarat positif bahawa kerajaan komited terhadap pengukuhan fiskalnya.

Menurut AllianceDBS Research Sdn Bhd, semakin bajet adalah perlu bagi menangani kebimbangan semasa terhadap daya tahan ekonomi.

"Bajet yang disemak semula membuat anggaran realistik berdasarkan paras harga minyak mentah semasa," katanya.

Bagaimanapun, jika harga minyak mentah jatuh lebih rendah kepada AS\$40 setong, kemungkinan besar kerajaan harus terus mengekang perbelanjaan dan mungkin mengurangkan perbelanjaan pembangunan.

Dalam nota lain, UOB Global Economics and Markets Research berkata bajet disemak semula menunjukkan komitmen kerajaan terhadap usaha pengukuhan fiskal, namun ia bergantung kepada sama ada unjuran pendapatan dapat dicapai dalam keadaan persekitaran mengurus yang lemah dan ketidaktentuan pasaran. - BERNAMA

#### 14. Amal perbelanjaan berhemat tanpa abai kualiti perkhidmatan – KSN

PUTRAJAYA: Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Dr Ali Hamsa mahu semua kementerian dan jabatan mengamalkan perbelanjaan berhemat bagi mengoptimumkan perbelanjaan mengikut peruntukan masing-masing dan memastikan ia sepadan dengan nilai wang tanpa mengabaikan kualiti perkhidmatan.

Beliau menekankan agar perbelanjaan pembelian aset-aset baharu yang tidak mendesak seperti kenderaan jabatan dan juga lawatan ke luar negara perlu ditangguhkan bergantung kepada kepentingan berikutan keadaan ekonomi semasa.

"Saya mengharapkan agar semua kementerian dan jabatan mengambil tindakan yang sewajarnya seperti yang telah diumumkan Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak demi memastikan strategi rasionalisasi perbelanjaan kerajaan dapat dilaksanakan dengan jayanya dan perbelanjaan mengurus dapat dikurangkan sebanyak RM5.5 bilion," katanya dalam satu kenyataan pada Selasa.

Selain itu, Ali berkata, negara tidak berada dalam krisis ekonomi mahupun gawat, dan peruntukan pembangunan di dalam Bajet 2015 sebanyak RM48.5 bilion untuk projek yang memberi manfaat kepada rakyat akan terus dilaksanakan.

"Bersandarkan strategi baharu yang akan diambil, negara mampu untuk mencapai pertumbuhan KDNK (Keluaran Dalam Negara Kasar) antara 4.5 hingga 5.5 peratus pada tahun 2015 dengan kerjasama semua penjawat awam.

"Saya juga berharap semua penjawat awam akan meneruskan perkhidmatan yang cemerlang dan meningkatkan produktiviti masing-masing dengan sentiasa mendahului kepentingan rakyat dalam menghadapi keadaan semasa," katanya.

Beliau berkata, bahawa semua warga perkhidmatan awam menyokong penuh langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan berikutan perubahan keadaan persekitaran dan ekonomi semasa yang mempunyai kesan langsung kepada Malaysia sebagai antara negara perdagangan terbesar di dunia.

Najib yang juga Menteri Kewangan dalam perutusan khas mengenai perkembangan ekonomi semasa dan kedudukan kewangan negara di sini hari ini berkata untuk merasionalisasikan perbelanjaan, kerajaan akan mengoptimumkan perbelanjaan ke atas bekalan, perkhidmatan penganjuran majlis dan mesyuarat serta perkhidmatan profesional yang memberi penjimatan RM1.6 bilion kepada kerajaan.

Selain itu, Perdana Menteri berkata, Program Latihan Khidmat Negara tahun ini ditangguhkan dengan penjimatan sebanyak RM400 juta, mengkaji semula pemberian dan geran kepada badan berkanun persekutuan, syarikat berkaitan kerajaan (GLC) serta Tabung Amanah Kerajaan, terutama yang



mempunyai aliran pendapatan yang konsisten dan rizab yang tinggi, sekali gus memberi penjimatan sebanyak RM3.2 bilion.

Najib juga berkata pembelian aset tidak kritikal akan dijadual semula terutama peralatan pejabat, perisian dan kenderaan yang mampu memberi penjimatan sebanyak RM300 juta. -



Rabu, 21 Januari 2015

#### 15. Muhyiddin minta SOP terhadap penebangan balak diperketat

KUALA LUMPUR: Tan Sri Muhyiddin Yassin meminta supaya prosedur operasi standard (SOP) sedia ada bagi penebangan balak di semua negeri diperketat.

Timbalan Perdana Menteri yang juga Pengerusi Jawatankuasa Bencana Negara menjelaskan tindakan itu perlu dilakukan bagi mengelakkan bah teruk yang melanda di beberapa negeri terutama Kelantan sebelum ini tidak berulang pada masa depan.

Beliau percaya, kenaikan paras air yang mendadak dengan arus deras ada kaitannya dengan aktiviti penerokaan balak yang tidak terkawal.

"Setiap negeri perlu diperketatkan lagi SOP bagi pemotongan balak untuk mengelakkan bencana banjir besar berlaku di masa akan datang," katanya.

Beliau berkata demikian dalam ucapan ringkasnya pada majlis penerimaan cek sumbangan banjir kepada Yayasan Golf Amal Tan Sri Muhyiddin di Wisma Hong Leong, di sini, sebentar tadi.

Pada majlis itu, sebanyak RM2.1 juta nilai sumbangan diterima Yayasan Golf Amal Tan Sri Muhyiddin Yassin yang akan diagihkan kepada mangsa banjir daripada lima penyumbang dari pihak swasta.

Antaranya, Yayasan Hong Leong yang diwakili Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Pembuatan Hong Leong, Datuk Kuek Neng San; KL Kepong Berhad diwakili Pengarah Eksekutif Kumpulan Perladangan, Roy Lim.

Mammoth Empire Holding Sdn Bhd diwakili, Pengarah Urusan Kumpulan, Datuk Sean Ng Yee Teck; Perdana Park City Sdn Bhd diwakili Pengarah Eksekutifnya, Joseph Lau serta Genting Malaysia Berhad diwakili Presiden yang juga Ketua Pegawai Operasinya, Datuk Seri Lee Choong Yan.

#### 16. Malaysia mampu capai unjuran pertumbuhan tahun ini - RAM

BANGI: Malaysia mampu mencapai unjuran pertumbuhan kerajaan di antara 4.5 dan 5.5 peratus tahun ini kerana asas ekonominya kukuh, kata RAM Holdings Bhd.

Ketua Pegawai Eksekutifnya, Datuk Seri Dr K Govindan, berkata jaminan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak semalam yang Malaysia tidak mengalami krisis dan langkah-langkah diumumkan akan melindungi negara daripada ketidakpastian luaran.

"Rancangan Malaysia Ke-11 akan diumumkan pada Mei. Ini akan memberi peluang kepada kerajaan untuk memberi tumpuan kepada isu struktur," katanya di taklimat media di sini, hari ini.

Semalam Perdana Menteri mengumumkan beberapa langkah proaktif bagi memastikan pertumbuhan, pembangunan dan cita-cita defisit Malaysia kekal di landasan yang betul sebagai tindak balas kepada perubahan landskap ekonomi global.

Dalam perutusan khas itu, Najib berkata, kerajaan tetap yakin yang Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) akan tumbuh di antara 4.5 dan 5.5 peratus pada 2015.

Najib yang juga Menteri Kewangan berkata, akaun semasa akan kekal dalam lebihan tahun ini manakala kadar pertukaran ringgit akan melaras bagi mencerminkan asas-asas kukuh Malaysia.

"Kami di RAM berasa sasaran pertumbuhan ekonomi akan menghampiri lima peratus," kata Govindan.

Naib Canselor Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Prof Datuk Dr Noor Azlan Ghazali, berkata penyelarasan yang dibuat kerajaan semalam lebih ke arah semakin nyata berikutan perubahan ekonomi global.

"Kita bukan dalam krisis. Ia hanya mengenai penyelarasan dan semakin nyata," katanya.

Sebelum itu, Govindan dan Azlan menandatangani memorandum persefahaman untuk meningkatkan kerjasama di antara RAM dan UKM bagi membangunkan daya saing teras graduan dalam pasaran modal.

Memorandum itu, kerjasama pertama RAM dengan institusi pendidikan akan merangkumi program latihan mengenai pasaran modal, penerbitan mengenai kewangan Islam dan aktiviti lain yang berkaitan.

Program itu akan membantu memenuhi peningkatan permintaan untuk graduan mahir bagi menyokong pertumbuhan pasaran modal Malaysia. - BERNAMA

### 17. Pemilihan Malaysia sebagai Pengerusi ASEAN mampu lonjak ekonomi Negara

KUALA LUMPUR: Pemilihan Malaysia sebagai Pengerusi ASEAN dijangka mampu menyemarakkan perkembangan rantaian ekonomi negara pada tahun ini.

Timbalan Menteri Kewangan, Datuk Ahmad Maslan, berkata komitmen serta hubungan baik Malaysia dengan negara ASEAN lain dilihat faktor penting membuka mata banyak pihak mengenai keupayaan kepemimpinan serta kepelbagaian produk menarik di negara ini.

"Sebagai Pengerusi ASEAN, kita dapat memberi tumpuan kepada pedagang ASEAN, badan bukan kerajaan (NGO) serta rakyat negara anggotanya. Ini peluang bagus untuk Malaysia memastikan produk kita turut dijual kepada 600 juta masyarakat ASEAN yang lebih besar," katanya ketika ditemui pemberita selepas menjadi tetamu undangan program Ruang Bicara terbitan Bernama TV di sini, malam tadi.

Program secara langsung dihoskan oleh Sherkawi Jirim, membincangkan topik bertajuk 'Melindungi Ekonomi Negara.'

Malaysia mengambil alih jawatan pengerusi ASEAN mulai 1 Jan lalu daripada Myanmar.

Sidang kemuncak ASEAN ke-26 akan berlangsung di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur pada 26 dan 27 April depan.

Satu sesi permukiman Menteri Luar ASEAN akan diadakan di Sutera Harbour Resort, Kota Kinabalu, pada Selasa dan Rabu ini.

Ia adalah pembuka tirai bagi siri mesyuarat peringkat menteri dan mesyuarat-mesyuarat berkaitan.

Mengenai usaha bantuan banjir, Ahmad berkata kerajaan setakat ini memperuntukkan kira-kira RM3 bilion kepada agensi terbabit bagi membantu mangsa banjir di negeri-negeri terjejas.

Ia termasuk RM700 juta kepada Majlis Keselamatan Negara (MKN), RM800 juta untuk membaiki prasarana, RM893 juta untuk membina tebatan banjir dan empangan selain peruntukan tambahan RM20 juta, katanya.

#### 18. Bank Dunia: Kepelbagaian ekonomi Malaysia mampu tampung impak harga minyak

KUALA LUMPUR: Kedudukan ekonomi Malaysia yang pelbagai, bukan sahaja menyediakan penampungan yang baik, malah mampu menampung dan mengehadkan impak susulan kejatuhan harga minyak, kata Bank Dunia. Ahli ekonomi kanan Bank Dunia bagi Malaysia, Dr Frederico Gil Sander berkata impak daripada kelemahan harga minyak juga diimbangi menerusi pelaksanaan cukai barang dan perkhidmatan, selain penambahan hasil daripada cukai lain yang tiada kaitan dengan minyak dan gas (O&G).

"Sudah semestinya kejatuhan harga minyak akan memberi cabaran, namun ia dapat ditangani dengan lebih baik berbanding negara lain yang sumber minyaknya menyumbang 95 peratus kepada hasil kerajaan," katanya kepada Bernama.

Bank Dunia menjangkakan purata harga minyak tahun ini pada paras AS\$75setong, susut 25 peratus daripada antara AS\$97 dan AS\$100 setong, tahun lalu.

Sudah bertahun-tahun lamanya pergantungan kerajaan kepada hasil O&G semakin berkurangan dan matlamatnya angka itu akan diturunkan kurang daripada 30 peratus.

Pada 2011, hasil Malaysia daripada petroleum sebanyak 35.8 peratus daripada jumlah pendapatan dan dikurangkan kepada 33.7 peratus pada 2012 dan 31.2 peratus pada 2013.

Berikutan harga minyak mentah yang rendah, kerajaan memutuskan untuk menyerahkan kuasa pasaran untuk menentukan harga bahan api pengguna menerusi sistem apungan terurus yang diumumkan setiap bulan.

Bagi Januari, RON95 dan RON97 masing-masing turun 35 sen kepada RM1.91 dan RM2.11 seliter dan diesel turun 30 sen kepada RM1.93 seliter.

Gil Sander berkata, sistem apungan terurus yang akhirnya akan memansuhkan subsidi bahan api, membantu bajet kerajaan memandangkan ia menjimatkan RM10.7 bilion.

"Sistem baharu itu juga baik untuk alam sekitar memandangkan subsidi merangsang penggunaan tenaga secara berlebihan, yang menyebabkan pelepasan karbon yang lebih tinggi.

"Memandangkan sistem apungan terurus hanya membabitkan turun naik harga dalam jangka pendek dan tidak membabitkan susidi, ia adalah langkah yang disambut baik," katanya.

Walaupun pengguna menikmati harga bahan api yang lebih rendah hasil daripada pelaksanaan sistem apungan terurus, harga minyak dunia yang rendah memberi kesan ke atas ringgit.

Namun, Gil Sander berkata masih ada 'cahaya di hujung terowong' memandangkan ringgit akan meningkatkan eksport dan mengurangkan insentif ke atas import memandangkan barangan import menjadi lebih mahal menggunakan ringgit, dengan kedua-duanya membantu akaun semasa negara.

Mengenai sama ada kejatuhan harga minyak dunia mengurangkan daya tarikannya kepada pelaburan langsung asing (FDI), beliau berkata: "FDI ditarik hasil daripada dasar makroekonomi yang baik, faktor yang dimiliki Malaysia, selain persekitaran perniagaan yang disediakan, satu lagi aspek yang memihak kepada Malaysia."

Beliau berkata, berdasarkan dasar fiskal, penyediaan bajet mengikut perspektif jangka sederhana akan meningkatkan kredibiliti dasar, seperti penyediaan bajet kementerian-kementerian untuk beberapa tahun ke hadapan.



Selasa, 27 Januari 2015

#### **19. RM26 juta untuk Program Desa Lestari tahun ini - Mohd Shafie**

MUAR: Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW) memperuntukkan RM26 juta tahun ini bagi menggerakkan Program Desa Lestari (Desa Abad ke 21) di 15 kampung seluruh negara, kata Menteri, Datuk Seri Mohd Shafie Apdal.

Beliau berkata, kampung itu masing-masing dua di Kedah dan Sarawak dan masing-masing sebuah di Perlis, Pulau Pinang, Perak, Selangor, Negeri Sembilan, Melaka, Johor, Pahang, Terengganu, Kelantan dan Sabah.

Katanya bagi tahun lalu, kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM20 juta untuk melaksanakan program itu yang mengguna pakai sistem koperasi.

"Desa Lestari kita perkenalkan dua tahun lalu. Ia bukan hanya program yang melengkapkan kawasan luar bandar dengan prasarana-prasarana malahan membolehkan penduduk setempat menjana pendapatan melalui kegiatan ekonomi seperti program inap desa dan tanaman," katanya.

Beliau berkata demikian dalam sidang media selepas majlis penyerahan projek dan menandatangani perjanjian pelaksanaan program itu di Kampung Parit Bugis, di sini, hari ini.

Setakat tahun lalu, katanya KKLW memilih sebanyak 42 kampung untuk menjalankan program berkenaan dan daripada jumlah itu, 15 kampung sudah beroperasi sepenuhnya manakala bakinya dalam masih proses pelaksanaan.

Mohd Shafie berkata, secara purata, kebanyakan kampung yang melaksanakan program itu berjaya menjana pendapatan antara RM30,000 hingga RM50,000 sebulan, hasil daripada pelbagai kegiatan ekonomi yang dilakukan.

"Oleh itu, ia secara umumnya telah meningkatkan pendapatan perkapita penduduk selain dapat mencipta peluang-peluang pekerjaan kepada masyarakat setempat," katanya.

Ditanya adakah program sebegini dapat didominasi warga asing seperti yang berlaku di Cameron Highlands, beliau berkata ia tidak akan berlaku kerana sistem koperasi yang diguna pakai dalam program berkenaan hanya membenarkan orang tempatan menyertainya.

"Kita gunakan sistem koperasi sebab ia ada pengiktirafan, pengawalan dan pemantauan ... tiap-tiap tahun ia (koperasi) akan mengadakan mesyuarat agung," katanya.

Dalam isu lain, Mohd Shafie berkata nilai kerosakan prasarana yang terpaksa ditanggung kementeriannya akibat banjir di seluruh negara hanya akan dapat diketahui dalam jangka masa terdekat.



Selasa, 27 Januari 2015

## **20. Tindakan proaktif Najib penting untuk tangani ekonomi semasa – pakar**

KUALA LUMPUR: Tindakan proaktif Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak mengurangkan kos operasi kerajaan dan melihat kembali keutamaan perbelanjaan adalah langkah awal yang penting bagi menangani keadaan ekonomi semasa.

Penganalisis ekonomi Prof Datuk Mohd Yusof Kasim berkata pengurangan perbelanjaan yang tidak penting dan memberikan fokus terhadap pelaburan pembangunan, terutama projek mega dapat mengukuhkan ekonomi negara.

"Pertama, pembangunan projek infrastruktur ini dapat mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan yang menjana pendapatan kepada rakyat.

"Kedua, kita juga mesti meningkatkan kemudahan pengangkutan awam selaras dengan hasrat kerajaan untuk meningkatkan lagi penggunaan pengangkutan awam menjelang tahun 2020," katanya.

Selasa lalu, Najib mengumumkan Perbelanjaan Mengurus dijangka dikurangkan sebanyak RM5.5 bilion, dengan mengutamakan perbelanjaan yang benar-benar diperlukan sahaja manakala

perbelanjaan pembangunan yang diperuntukkan dalam Bajet 2015 sebanyak RM48.5 bilion tidak berubah.

Beliau berkata projek-projek bersifat 'ekonomi rakyat', yakni perumahan rakyat, tebatan banjir, bekalan air, elektrik dan pengangkutan awam seperti Lebuhraya Pan Borneo, MRT jajaran kedua, LRT dan Keretapi Kelajuan Tinggi Kuala Lumpur-Singapura serta Rapid di Pengerang, Johor akan tetap diteruskan.

Mengikut Mohd Yusof yang juga Rektor Kolej Universiti Insaniah (KUIN), untuk mencapai penjimatan Perbelanjaan Pengurusan sebanyak RM5.5 bilion itu, agensi kerajaan perlu bertindak seperti syarikat swasta untuk menjimatkan kos.

"Kita kena gunakan apa yang kita panggil indeks kreativiti, sesuatu yang kita belanja itu mesti memberikan impak yang tinggi kepada organisasi kita. Perbelanjaan yang tidak memberikan kesan yang besar perlu ditangguhkan," katanya.

Disamping itu, beliau yang yakin bahawa Malaysia mampu capai Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) antara 4.5 hingga 5.5 peratus tahun ini, menyarankan pasar raya besar harus mewujudkan sudut khas untuk mempromosikan barangan daripada desa dan luar bandar.

Langkah itu dapat membantu penduduk luar bandar meningkatkan pendapatan mereka selain meningkatkan pasaran bagi barangan buatan Malaysia di seluruh negara.

"Jadi walaupun keadaan ekonomi ini tidak menentu, kita masih mempunyai banyak peluang untuk menjana pertumbuhan sama ada di peringkat negara, isi rumah atau institusi," katanya. - BERNAMA



Rabu, 28 Januari 2015

#### **21. Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia untuk pengajian tinggi jadi teras transformasi pendidikan negara – PM**

KUALA LUMPUR: Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pengajian Tinggi) 2015-2025 yang akan diumumkan Mac ini, akan menjadi teras ke arah mentransformasi dan meningkatkan mutu pengajian tinggi negara.

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak berkata, pelan pembangunan tersebut telah dibentangkan dalam mesyuarat mingguan Kabinet pada Rabu.

"Insyallah, saya yakin ia - Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pengajian Tinggi) - akan memacu peningkatan prestasi pengajian tinggi negara," kata perdana menteri dalam catatan terbarunya di laman Facebook dan Twitturnya, Rabu malam.

Ahad lepas, Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi, Prof Datuk Dr Asma Ismail berkata pelan tersebut dijangka diumumkan Mac ini dan antara lain bertujuan mentransformasi dan meningkatkan standard pendidikan tinggi negara.

"Pelan ini akan menentukan bentuk graduan yang kita mahu lahirkan, selain menggilap bakat pelajar dan juga pensyarah," kata Dr Asma. - BERNAMA



Rabu, 28 Januari 2015

## 22. Malaysia tidak dalam krisis ekonomi - MIER

KUALA LUMPUR: Malaysia tidak berada dalam krisis ekonomi walaupun akan terus berdepan persekitaran yang mencabar tahun ini, kata Institut Penyelidikan Ekonomi Malaysia (MIER).

Pengarah Eksekutif, Dr Zakariah Abdul Rashid, berkata krisis berlaku apabila pertumbuhan ekonomi sesebuah negara berada dalam zon pengecutan iaitu pertumbuhannya negatif.

Pertumbuhan negatif adalah disebabkan defisit berkembar, iaitu defisit akaun fiskal serta baki pembayaran atau akaun perdagangan.

"Bagaimanapun, buat masa sekarang defisit negara hanya berlaku dalam akaun fiskal saja dan bukannya dalam baki dagangan.

"Dahulu wujud kebimbangan kerana lebih baki dagangan mengecil dan dikhuatiri menjadi defisit. Namun, nampaknya apa yang dibimbangkan itu tidak terjadi, buat masa sekarang tidak berlaku," katanya taklimat Tinjauan Ekonomi Suku Keempat 2014 Malaysia di sini hari ini.

Zakariah berkata, dari segi petunjuk meluas lain seperti kadar inflasi dan guna kerja juga semuanya tidak menunjukkan Malaysia sedang menuju kepada krisis ekonomi pada masa ini.

Bagaimanapun, tegasnya Malaysia sedang berdepan dengan masalah turun naik keterlaluan disebabkan situasi semasa seperti kejatuhan mendadak harga minyak mentah global dan penyusutan nilai ringgit.



Mengenai tinjauan ekonomi tahun ini, Zakariah berkata 2015 akan menjadi sangat mencabar kerana berlaku perubahan dalam harga minyak dan nilai ringgit.

"Saya merasakan unjuran pertumbuhan 4.5 hingga 5.5 peratus bagi 2015 boleh dicapai. Kita juga boleh berusaha untuk berkembang lebih pantas daripada unjuran itu namun ia datang dengan risiko tertentu, maka ia sepatutnya kekal dalam lingkungan berkenaan," katanya.

Mengenai semakan semula Bajet 2015, Zakariah berkata langkah itu penting untuk mengukuhkan keyakinan pelabur terhadap kemampuan pengurusan ekonomi negara ini.



Khamis, 29 Januari 2015

### **23. Imigresen patah sindiket palsu PLKS**

KUALA LUMPUR: Jabatan Imigresen menumpaskan satu sindiket pemalsuan Pas Lawatan Kerja Sementara (PLKS) dengan penahanan seorang warga India di Brickfields di sini, semalam.

Suspek berusia 30-an yang dipercayai dalam sindiket itu, dikesan berikutan penemuan pelekat PLKS palsu dalam beberapa operasi di Seremban, Negeri Sembilan, sebelum ini.

Pengarah Jabatan Imigresen Negeri Sembilan, Faizal Fazri Othman, berkata pihaknya turut merampas beberapa komputer dan mesin pencetak dalam operasi bersama Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) bermula jam 3 petang itu.

"Turut ditemui adalah beberapa salinan PLKS palsu yang sudah diubahsuai dipercayai sudah ditempah pendatang tanpa izin.

"Suspek yang berkahwin dengan seorang guru warga Malaysia berusia 30-an disiasat mengikut Seksyen 55(D) kerana memalsukan pas, permit atau permit masuk," katanya di sini, hari ini.

Beliau berkata, dua lelaki tempatan dan seorang warga India turut ditahan SPRM kerana cuba menawarkan rasuah kepada penguatkuasa Imigresen.

#### 24. Pinda syarat perketat pemilikan syarikat

##### **SUSULAN BONGKAR ORANG KITA JADI 'KAMBING HITAM'**

KUALA LUMPUR: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) akan meminda syarat dalam Akta Syarikat 1965 bagi memperketatkan proses pemilikan syarikat dan perniagaan oleh warga asing.

Ia bagi memastikan peluang dan ruang untuk rakyat tempatan menjalankan perniagaan tidak disekat, selain mengurangkan penguasaan warga asing dalam perniagaan tertentu.

Menterinya, Datuk Seri Hasan Malek, berkata kementerian sedar ada kelonggaran dalam syarat pendaftaran syarikat, terutama untuk warga asing yang membolehkan mereka menjadikan orang tempatan sebagai proksi dengan menggunakan alamat Malaysia untuk mendaftar syarikat di negara ini.

"Saya akan minta Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) lihat semula peraturan sedia ada dan kementerian sedia memindanya supaya situasi sekarang tidak berterusan. Ini untuk memastikan warga asing tidak mengambil alih perniagaan orang tempatan.

##### **Pandang serius dominasi**

"Kita memandang serius senario dominasi perniagaan oleh warga asing, khususnya di kawasan tertentu membabitkan perniagaan tertentu.

"Bagaimanapun, kementerian akan ambil kira pandangan semua pihak sebelum melakukan pindaan," katanya kepada BH, semalam.